

# PILIHAN BAHASA DAN *LINGUA FRANCA* SUKU KAUM DI SARAWAK

*Mohammed Azlan Mis*

azlan\_ukm@yahoo.com

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## Abstrak

Kajian ini membincangkan *lingua franca* suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di negeri Sarawak. Di Sarawak terdapat bermacam-macam suku kaum dan masing-masing menggunakan bahasanya sendiri. Oleh yang demikian, *lingua franca* di Sarawak merupakan bahasa yang dipilih untuk berhubung dan bertukar-tukar fikiran antara satu sama lain agar hubungan antara suku kaum menjadi lebih erat dan sejahtera. Tentu sahaja bahasa perhubungan yang dipilih telah menjadi milik bersama, difahami, sesuai dan tidak menimbulkan masalah. Kewajaran kajian ini bertunjangan *lingua franca* yang bertitik tolak daripada maklumat pilihan bahasa semasa yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Sesuatu bahasa itu akan terus dipilih dan digunakan oleh semua pihak sama ada semasa situasi formal atau tidak formal sekiranya bahasa tersebut memenuhi peranan *lingua franca*. Hasil analisis pilihan bahasa responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau di negeri Sarawak, didapati pilihan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak lebih tinggi jika dibandingkan dengan pilihan bahasa yang lain. Walau bagaimanapun, pilihan bahasa Iban dilihat digunakan dalam situasi tidak formal dan pilihan bahasa dialek Melayu Sarawak pula semasa situasi formal.

Kata kunci: *lingua franca*, pilihan bahasa, suku kaum, dialek Melayu Sarawak, bahasa Iban

***Abstract***

*The aim of this research is to identify the the common language or lingua franca of Malay, Iban, Chinese and Melanau ethnics groups in Sarawak. There are several ethnic groups in Sarawak, the member of each communicating among themselves in their own language. At the same time, the ethnic groups also share and use a common language or languages to communicate with speakers of other languages spoken within the state. A lingua franca is appropriate, comprehensible and does not give rise to communication problems. It is used in everyday life and will be automatically selected and used by speakers from different ethnic groups both in formal and informal situations. An analysis of the choice of language by Malay, Iban, Chinese and Melanau respondents in Sarawak shows that the Iban language and the Sarawak Malay dialect are most often chosen as the lingua francas of Sarawak. The Iban language is used in informal settings while the Sarawak Malay dialect is used in formal settings.*

*Keywords: lingua franca, language choice, ethnic groups, Sarawak Malay dialect, Iban language*

## **PENGENALAN**

Peranan bahasa perhubungan atau *lingua franca* sangat penting terutamanya dalam satu komuniti yang pelbagai kaum dan etnik atau terdapatnya penduduk yang menuturkan bahasa pertama yang berbeza antara satu sama lain. Hal seperti ini dapat dilihat terutamanya masyarakat yang terdapat di negeri Sarawak di mana suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau tinggal dan menjalankan kehidupan sehari-hari bersama sejak dari zaman dahulu lagi. Oleh yang demikian, apakah bahasa perhubungan atau *lingua franca* yang menjadi pilihan pelbagai suku kaum ini untuk berhubung satu sama lain tanpa menimbulkan masalah kefahaman dan perkauman.

Di negeri Sarawak, kita tidak boleh hanya melihat penggunaan bahasa Melayu antara suku kaum yang berbeza ini. Tidak dinafikan bahawa bahasa Melayu di negeri Sarawak masih digunakan dengan meluas terutamanya dalam urusan rasmi seperti di pejabat kerajaan dan pendidikan di sekolah, tetapi sekiranya bahasa Melayu juga bahasa komunikasi dalam perhubungan harian antara suku kaum, maka hal ini perlu diteliti dengan mendalam.

Dalam masyarakat yang anggotanya terdiri daripada pelbagai suku kaum dan kelompok seperti di negeri Sarawak ini, komunikasi harian mereka adalah sangat kompleks. Masyarakat yang kompleks ini telah membawa kepada kebarangkalian untuk masyarakat tersebut memilih satu atau beberapa bahasa perhubungan apabila mereka berhubung dan berkomunikasi dengan masyarakat yang lain. Semakin luas dan kompleks aktiviti sesebuah masyarakat, semakin rumit pilihan bahasa mereka (Dewa Putu Wijaya dan Muhammad Ruhmadi, 2006).

### ***LINGUA FRANCA***

Banyak kawasan di dunia didiami oleh penduduk yang menuturkan bahasa yang berbeza. Untuk penduduk ini perhubungan sesama mereka, sama ada untuk tujuan sosial ataupun perdagangan, bahasa yang digunakan sebagai *lingua franca* merupakan bahasa yang dipersetujui dan difahami bersama.

Istilah *lingua franca* berasal daripada nama salah satu masyarakat Jerman Kuno yang tinggal di sekitar Sungai Rhine, terutama di bahagian selatan Perancis. Bahasa ini digunakan di bahagian timur wilayah Mediterranean, terutama di pelabuhan pada Zaman Pertengahan sekitar tahun masihi 1000 sehingga abad ke-15, oleh pedagang dan tentera perang Salib (Adrian Akmajjian *et al.*, 1995). Bahasa ini merupakan campuran bahasa Itali, Sepanyol, Perancis, Arab, Parsi, Yunani dan Turki.

Menurut Asmah (2007), *lingua franca* merupakan bahasa yang diketahui oleh kebanyakan penutur walaupun hanya pada peringkat yang asas sahaja. Di alam Melayu contohnya, terdapat berbagai-bagai bahasa dan *lingua franca* yang digunakan merupakan bahasa Melayu. Selain itu, menurut Holmes (2001) pula, *lingua franca* ialah penggunaan sesuatu bahasa untuk berkomunikasi antara penutur yang bahasa pertama mereka berbeza satu sama lain. Bahasa untuk berkomunikasi biasanya bahasa yang paling banyak dan kerap digunakan dalam kehidupan seharian. Contoh yang diberikan Holmes ialah negara Tanzania. Di Tanzania, bahasa Swahili digunakan sebagai bahasa utama apabila berkomunikasi dengan mereka daripada puak yang lain atau kelompok yang menggunakan bahasa yang berbeza. Selain di Tanzania, Holmes juga melihat bahasa Tok Pisin sebagai *lingua franca* di Papua New Guinea kerana bahasa ini telah mengambil alih peranan 700 bahasa vernakular sebagai satu bahasa perhubungan yang utama.

Selain itu, *lingua franca* merupakan bahasa yang dipilih dan digunakan untuk mewujudkan komunikasi yang berkesan dalam sesebuah wilayah

yang didiami oleh ahli yang berasal dari pelbagai daerah, keturunan, dan tingkat sosial yang berlainan, agar dapat memahami satu sama lain tanpa berlaku masalah. *Lingua franca* selalunya dalam bentuk versi tak formal dan yang kurang mematuhi norma serta peraturan yang ditetapkan. Sungguhpun begitu, versi inilah yang lebih berpengaruh dalam kehidupan kita sehari-hari kerana versi inilah yang rata-rata digunakan orang semasa berkomunikasi.

Rumusan daripada definisi *lingua franca* oleh beberapa sarjana bahasa di atas, sebahagian besar bahasa yang kita gunakan sehari-hari ialah *lingua franca*. Dengan itu, *lingua franca* ialah bahasa yang dikongsi bersama oleh semua penutur bahasa dalam sesuatu komuniti, terutamanya dalam hubungan sosial dan kehidupan seharian. Secara umumnya, *lingua franca* ialah satu ragam yang dipilih daripada beberapa ragam dalam sesuatu bahasa untuk digunakan secara meluas, yakni di luar ragam sempadan bahasa itu sendiri. *Lingua franca* juga bahasa yang penting sebagai satu cara berkomunikasi yang seragam sifatnya bagi mengatasi perbezaan dalam kalangan ahli komuniti bahasa berkenaan yang berasal dari daerah, keturunan, latar dan lapisan sosial yang berbeza.

## **KEPELBAGAIAN BAHASA DI SARAWAK**

Sarawak merupakan negeri terbesar di Malaysia. Jumlah bahasa yang digunakan di negeri Sarawak lebih kurang 30 atau 40 bahasa. Bahasa-bahasa ini dituturkan di seluruh negeri Sarawak (Asmah, 2004:32-37). Bahasa-bahasa ini adalah seperti bahasa Melayu, bahasa suku kaum atau bahasa tempatan dan bahasa Cina (rujuk Lampiran hlm. 16 untuk melihat pecahan suku kaum yang terdapat di negeri Sarawak).

Bahasa suku kaum yang terbesar di negeri ini dikenali sebagai Malayik (*Malayic*), yang terdiri daripada bahasa Iban. Bahasa Iban merupakan bahasa yang paling dominan dengan kumpulan etnolinguistik yang merangkumi setengah juta penutur. Bahasa Iban digolongkan sebagai Malayik sama seperti bahasa Melayu dan bahasa Selakau. Kumpulan yang lain ialah Bidayuh, Melanau, Kajang dan lain-lain. Di bahagian utara negeri Sarawak pula terdapat bahasa Kayan, Kelabit, Kenyah, Penan, Mirik dan Bintulu.

Selain daripada bahasa suku kaum penduduk tempatan atau asli atau peribumi di negeri Sarawak, terdapat juga bahasa lain yang bukan tergolong dalam kumpulan ini, iaitu bahasa Cina. Bahasa Cina di Sarawak sama seperti bahasa Cina yang lain di Semenanjung Malaysia, iaitu

Hokchiu (Foochow), Khek (Hakka), Kantonis atau Hokkien. Penutur Hokchiu (Foochow) dan Khek (Hakka) adalah yang paling ramai jika dibandingkan dengan Kantonis atau Hokkien. Mengenai masyarakat India di negeri Sarawak pula, mereka merupakan kaum yang sangat kecil dan minoriti. Bahasa Inggeris juga penting di negeri Sarawak sebagai bahasa kedua dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan. Oleh itu, bahasa Inggeris berfungsi sebagai bahasa kedua dan digunakan oleh golongan eksekutif dan profesional (Asmah, 2004:31).

Dari segi jumlah penutur bahasa-bahasa yang terdapat di negeri Sarawak pula, bahasa Iban mempunyai penutur yang paling ramai, diikuti bahasa Cina dan bahasa Melayu (perincian perkara ini ditunjukkan dalam Jadual 1).

**Jadual 1** Bilangan penutur bahasa pertama mengikut kaum di Sarawak.

Bahasa dan Kumpulan Bahasa	Penutur sebagai bahasa Pertama
Iban	586 548
Melayu	472 173
Bidayuh	161 873
Melanau	109 882
Cina	512 426
Bahasa di bahagian utara	87 472
Lain-lain	18 634
Jumlah	1 949 008

Sumber: Asmah (2004:31) dlm. *The Encyclopedia of Malaysia* Jilid 9.

Seperti yang telah dibincangkan pada peringkat awal, antara bahasa-bahasa suku kaum di Malaysia, bahasa Melayulah yang mempunyai jumlah pengguna bahasa yang paling tinggi. Memandangkan bahasa Melayu sekarang sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara Malaysia, bahasa ini menjadi milik semua rakyat Malaysia, dan jumlah tersebut dapatlah disamakan dengan jumlah penduduk atau pengguna di Malaysia. Namun, masih menjadi persoalan utama, iaitu: Adakah bahasa Melayu juga dipilih sebagai bahasa perantara dan seterusnya sebagai *lingua franca* di negeri Sarawak? Tentu sahaja mereka mempunyai alat komunikasi yang menjadi milik bersama, dan adakah alat komunikasi tersebut itu bahasa Melayu atau bahasa suku kaum yang lain?

Penentuan pilihan bahasa yang utama oleh suku kaum di negeri Sarawak sangat sesuai untuk menentukan *lingua franca*. Sememangnya

terdapat juga bentuk-bentuk bahasa lain yang digunakan oleh suku kaum yang berbilang di negeri Sarawak untuk berkomunikasi satu sama lain dan bukannya bahasa Melayu, seperti di Semenanjung Malaysia.

Selain daripada faktor dominan masyarakat Iban, sebahagian besar penduduk di negeri Sarawak juga mengetahui tiga atau empat bahasa peribumi yang lain, termasuk bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Asmah, 2004:34-37). Ramai penduduk Sarawak mengetahui bahasa masyarakat peribumi yang lain seperti mereka mengetahui dan memahami bahasa pertama mereka. Berbagai-bagai faktor telah menyebabkan masyarakat di negeri Sarawak mengetahui pelbagai bahasa. Faktor utama penduduk di negeri Sarawak mengetahui tiga atau empat bahasa adalah disebabkan oleh hubungan antara suku kaum yang pelbagai sangat rapat dan amalan hidup dan budaya yang hampir sama (Asmah, 2004:31). Selain itu, faktor sistem pengangkutan dan perhubungan yang semakin berkesan dan maju di samping sistem pendidikan (sekolah) di negeri Sarawak yang semakin baik telah memberi mereka ruang untuk dapat berhubung dengan lebih kerap, erat dan mesra. Hasil daripada percampuran ini akan membentuk *lingua franca*.

## **MAKLUMAT PILIHAN BAHASA**

Terdapat enam domain pilihan bahasa yang dikaji untuk menentukan *lingua franca* di Sarawak. Setiap domain merupakan pilihan bahasa yang telah dipilih oleh suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau. Domain-domain tersebut ialah:

1. Keluarga
2. Persahabatan
3. Kedai dan Pasar
4. Bank
5. Hospital dan Klinik
6. Sukan dan Riadah

Seramai 100 orang responden Melayu, Iban, Cina dan Melanau telah menjawab soalan pilihan bahasa mengikut domain di Sarawak. Secara keseluruhannya, seramai 400 orang responden telah menunjukkan pilihan bahasa mereka mengikut domain dan dianalisis.

Kawasan kajian yang dipilih ialah bandar Sarikei yang terletak di dalam Bahagian Sarikei (Bahagian Keenam). Di Sarikei, amat mudah

PILIHAN BAHASA DAN *LINGUA FRANCA* SUKU KAUM DI SARAWAK

untuk mendapatkan responden yang berketurunan Melayu, Iban, Cina dan Melanau (Melanau Rejang). Setiap suku kaum ini juga telah tinggal bersama, mendapat pendidikan di sekolah (rendah dan menengah), bekerja dan menjalankan aktiviti dan urusan harian yang sama sejak wujudnya Sarikei di Sarawak.

Penentuan *lingua franca* berdasarkan analisis yang akan dipaparkan. Perbincangan maklumat pilihan bahasa suku kaum yang terdapat di Sarawak ini ditunjukkan dalam jadual di bawah mengikut domain.

Petunjuk untuk jadual:

Simbol	Memberi Maksud
+	Bahasa Rojak
%	Peratusan
-	Dan

**Jadual 2** Pilihan bahasa domain keluarga.

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Keluarga	Bil.	389	516	100	71	370	154	1600
	%	24	32	6	4	23	11	100

**Jadual 3** Pilihan bahasa domain persahabatan.

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Persahabatan	Bil.	402	549	100	59	371	119	1600
	%	25	34	6	4	23	8	100

**Jadual 4** Pilihan bahasa domain kedai dan pasar.

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Kedai dan Pasar	Bil.	405	567	100	24	383	121	1600
	%	25	35	6	2	24	8	100

**Jadual 5** Pilihan bahasa domain sukan dan riadah.

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Sukan dan Riadah	Bil.	405	482	100	25	446	142	1600
	%	25	30	6	2	28	9	100

**Jadual 6** Pilihan bahasa domain di bank.

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Bank	Bil.	660	425	39	-	378	98	1600
	%	41	27	2	-	24	6	100

**Jadual 7** Pilihan bahasa domain hospital dan klinik.

Pilihan Bahasa		Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Melayu + Iban	Melayu + Melanau	Jumlah
Domain Hospital dan Klinik	Bil.	581	465	40	-	393	121	1600
	%	36	29	3	-	25	7	100



PILIHAN BAHASA DAN *LINGUA FRANCA* SUKU KAUM DI SARAWAK

Secara keseluruhannya, maklumat pilihan bahasa mengikut enam domain dirumuskan dalam Jadual 8. Jadual ini menunjukkan secara jelas pilihan bahasa mengikut keutamaan sama ada sebagai pilihan utama (pilihan yang paling tinggi), pilihan kedua, ketiga dan seterusnya.

**Jadual 8** Rumusan pilihan bahasa yang dipilih mengikut domain.

Domain	Keluarga	Persahabatan	Kedai dan Pasar	Bank	Hospital dan Klinik	Sukan dan Riadah
<b>Pilihan Utama (%)</b>	Bahasa Iban 32%	Bahasa Iban 34%	Bahasa Iban 35%	Melayu Sarawak 41%	Melayu Sarawak 36%	Bahasa Iban 30%
<b>Pilihan Kedua (%)</b>	Melayu Sarawak 24%	Melayu Sarawak 25%	Melayu Sarawak 25%	Bahasa Iban 27%	Bahasa Iban 29%	Melayu + Iban 28%
<b>Pilihan Ketiga (%)</b>	Melayu + Iban 23%	Melayu + Iban 23%	Melayu + Iban 24%	Melayu + Iban 24%	Melayu + Iban 25%	Melayu Sarawak 25%
<b>Pilihan Keempat (%)</b>	Melayu + Melanau 11%	Melayu + Melanau 8%	Melayu + Melanau 8%	Melayu + Melanau 6%	Melayu + Melanau 7%	Melayu + Melanau 9%
<b>Pilihan Kelima (%)</b>	Bahasa Cina 6%	Bahasa Cina 6%	Bahasa Cina 6%	Bahasa Cina 2%	Bahasa Cina 3%	Bahasa Cina 6%
<b>Pilihan Keenam (%)</b>	Bahasa Melanau 4%	Bahasa Melanau 4%	Bahasa Melanau 2%	–	–	Bahasa Melanau 2%

## PERBINCANGAN PILIHAN BAHASA

Terdapat dua pilihan bahasa yang utama mengikut jumlah keseluruhan pilihan bahasa berdasarkan enam domain kajian, iaitu pilihan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak. Pilihan bahasa Iban sangat utama dalam domain keluarga, persahabatan, kedai dan pasar serta sukan dan riadah. Pilihan dialek Melayu Sarawak pula utama dalam domain di bank, hospital dan klinik.

Hasil analisis pilihan bahasa di Sarikei Sarawak, kajian ini telah dapat mengenal pasti bahawa di negeri Sarawak terdapat enam pola pilihan bahasa utama yang digunakan. Pola pilihan bahasa tersebut ialah pola bahasa

Iban, dialek Melayu Sarawak, bahasa Cina, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu+Iban dan bahasa rojak Melayu+Melanau. Pola pilihan bahasa yang utama ialah dua pola pilihan bahasa, iaitu pola pilihan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak. Pola pilihan bahasa Iban dipilih dalam situasi tidak formal sementara pola dialek Melayu Sarawak pula dalam situasi formal. Oleh itu, untuk berinteraksi dengan jayanya dalam masyarakat majmuk di Sarawak, seseorang itu perlu mengetahui, memahami dan menguasai bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak.

### **LINGUA FRANCA DI SARAWAK**

Daripada analisis, pilihan bahasa ini juga telah menunjukkan kecenderungan pilihan bahasa suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di Sarawak. Suku kaum Melayu sangat cenderung memilih dialek Melayu Sarawak sebagai pilihan yang utama dan bahasa Iban sebagai pilihan yang kedua. Kecenderungan suku kaum Iban menunjukkan pilihan bahasa Iban sebagai pilihan yang utama. Di samping itu, terdapat juga kecenderungan suku kaum Iban memilih dialek Melayu Sarawak dan bahasa rojak Melayu+Iban.

Suku kaum Cina di Sarawak pula mempunyai kecenderungan menggunakan pola pilihan bahasa Iban dan bahasa rojak Melayu+Iban. Kedua-dua pola pilihan bahasa ini digunakan oleh suku kaum Cina apabila berinteraksi dengan suku kaum Melayu, Iban dan Melanau. Berbeza pula dengan kecenderungan pilihan bahasa suku kaum Melanau di Sarawak. Suku kaum Melanau lebih cenderung memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perhubungan sehari-hari, sama ada berinteraksi sesama Melanau atau dengan suku kaum yang lain.

Bersumberkan data tersebut, hubungan antara pilihan bahasa dengan *lingua franca* suku kaum yang terdapat di Sarawak dapat diserlahkan, iaitu *lingua franca* bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak. Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak ialah bahasa dan dialek yang sangat berpengaruh dalam kehidupan seharian di Sarawak. Rata-rata suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau memilih dan menggunakan bahasa tersebut dalam setiap urusan mereka sama ada di rumah, di pejabat atau di tempat awam. Dengan itu, bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak ialah *lingua franca* yang dikongsi bersama oleh semua penutur bahasa di Sarawak. Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang berperanan sebagai bahasa yang dapat menyatupadukan pelbagai suku kaum untuk pergaulan dan hidup bersama-sama tanpa mempunyai masalah, terutamanya masalah komunikasi.

Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa komunikasi antara pelbagai kumpulan penutur yang menuturkan bahasa ibunda yang berlainan sebagai bahasa perhubungan utama. Walaupun terdapat juga pola pilihan bahasa yang lain, seperti bahasa Cina, Melanau, bahasa rojak Melayu+Iban dan bahasa rojak Melayu+Melanau, namun, bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak lebih diberi perhatian sebagai bahasa yang utama. Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak di Sarawak dilihat sebagai dua bahasa yang sangat berpengaruh dalam kehidupan seharian kerana difahami oleh semua penduduk Sarawak.

Sejauh yang dapat dikesan juga, apa-apa bahasa yang digunakan di negeri Sarawak, secara keseluruhannya sangat dipengaruhi oleh bahasa Iban. Masyarakat Iban yang besar dan dominan menguasai masyarakat lain dalam menggunakan bahasa. Oleh yang demikian, bahasa Iban merupakan bahasa yang utama dan dominan di negeri Sarawak. Bahasa ini mempunyai penutur yang paling ramai jika dibandingkan dengan jumlah penutur bahasa yang lain, iaitu melebihi 580 000 orang. Bahasa ini juga berperanan sebagai bahasa kedua atau ketiga kepada suku kaum Melayu, Cina dan Melanau di negeri Sarawak (Asmah, 2004:31).

Selain itu, dapat dibuktikan di lembangan sungai Rejang, bahasa Iban adalah satu bahasa perhubungan yang utama (Asmah, 2004:31, Collins, 2004:32-33). Banyak faktor yang mengekang pilihan bahasa yang lain di lembangan sungai ini. Bahasa Iban telah mengambil alih fungsi dan peranan bahasa-bahasa lain sebagai bahasa komunikasi atau bahasa perhubungan antara penutur yang pelbagai suku kaum.

Berdasarkan kajian lepas oleh sarjana bahasa, dengan dominannya bilangan suku kaum Iban di negeri Sarawak, bahasa Iban telah mempengaruhi status dan kedudukan bahasa-bahasa yang lain, termasuk bahasa Melayu sebagai *lingua franca*. Bahasa-bahasa lain terutamanya bahasa Melayu atau dialek Melayu Sarawak hanya dilihat sebagai bahasa tempatan dalam wilayah terbatas dan terhad sifatnya, iaitu di lembangan sungai Sarawak dan sekitarnya, tetapi bahasa Iban lebih meluas ke seluruh negeri, terutamanya di lembangan sungai Rejang.

## **KELEBIHAN BAHASA IBAN DAN DIALEK MELAYU SARAWAK SEBAGAI *LINGUA FRANCA***

Terdapat beberapa kelebihan yang mempengaruhi pilihan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa komunikasi atau *lingua franca* di

Sarawak. Kelebihan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak di Sarawak adalah seperti yang dijelaskan di bawah ini.

### **Bahasa yang Praktikal untuk Tujuan Interaksi**

Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak sangat praktikal untuk digunakan dalam urusan harian. Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak ialah bahasa yang saling difahami oleh semua penduduk sama ada Melayu, Iban, Cina dan Melanau yang terdapat di Sarawak. Bahasa ini juga tidak menimbulkan apa-apa masalah kepada penutur ataupun pendengar semasa mereka berinteraksi. Kedua-duanya digunakan oleh mana-mana suku kaum di Sarawak sebagai bahasa perhubungan yang utama, atau sebagai *lingua franca*. Di Sarawak, kita sentiasa berjumpa dan berinteraksi dengan suku kaum Iban dan Melayu walau di mana sahaja kita berada. Adalah lebih mudah untuk mana-mana suku kaum yang lain untuk menggunakan bahasa ini.

Selain itu, bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak sangat mudah dan cepat untuk dikuasai oleh suku kaum yang terdapat di Sarawak. Perkara yang paling utama dapat memudahkan seseorang untuk menguasai bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak adalah melalui pergaulan sehari-hari. Hampir seluruh aktiviti, kegiatan dan amalan sehari-hari di Sarawak menggunakan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak. Walaupun seseorang itu tidak boleh berbahasa Iban atau dialek Melayu Sarawak, dalam masa yang singkat mereka akan menjadi mahir dan dapat menguasai bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak. Perkara yang paling jelas menunjukkan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak ialah bahasa yang praktikal untuk tujuan interaksi apabila bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak dituturkan dalam pelbagai situasi dan aktiviti.

### **Bahasa Sehari-hari Pelbagai Suku Kaum**

Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa perhubungan sehari-hari di Sarawak. Hal ini demikian kerana penggunaan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak yang meluas dalam situasi formal dan tidak formal dengan bilangan penuturnya yang ramai. Selain itu, bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak juga sangat berkesan sebagai *lingua franca* tanpa sebarang masalah dalam menyatupadukan pelbagai suku kaum yang terdapat di negeri Sarawak.

Bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perhubungan sehari-hari sangat jelas dalam kegunaannya dalam situasi formal seperti

di pejabat dan situasi tidak formal seperti di tempat awam. Dalam situasi formal, dialek Melayu Sarawak yang digunakan ialah ragam yang memperlihatkan penggunaan bahasa yang lebih sesuai dengan kehidupan sehari-hari di Sarawak.

Selain penggunaan dialek Melayu Sarawak dalam situasi formal, bahasa Iban pula ialah bahasa yang dipilih sebagai bahasa yang utama dalam situasi tidak formal. Bahasa Iban yang dipilih ialah bahasa yang digunakan dalam perbualan sehari-hari antara penutur yang memahami dan boleh menggunakan bahasa tersebut, terutamanya oleh penutur asli yang sesuai dengan jalan perbualan.

Dengan merujuk kepada pengertian yang pernah dinyatakan oleh Wolfram (1991), bahasa Iban yang digunakan dalam situasi tidak formal ialah ragam bahasa yang dilafazkan secara spontan dan natural tanpa direncanakan terlebih dahulu. Justeru itu, bahasa Iban yang dipilih dalam situasi tidak formal sama ada di Sarikei atau tempat-tempat lain di negeri Sarawak ialah bahasa perhubungan yang digunakan dengan gaya yang bersahaja.

Secara tidak langsung, bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak mempunyai kuasa, pengaruh dan wibawa dalam kehidupan sehari-hari, di samping mendapat kepercayaan daripada semua pihak yang terdapat di Sarawak untuk digunakan sebagai *lingua franca*. Pilihan bahasa dalam situasi formal di Sarikei, iaitu dialek Melayu Sarawak dilihat tidak menjejaskan suasana semasa bekerja, ketika berinteraksi dengan rakan di pejabat atau dengan pelanggan yang mempunyai urusan, malah dapat menimbulkan komunikasi yang lebih berkesan dan mesra. Dalam hal ini, pilihan bahasa yang sesuai akan dapat melancarkan lagi sesuatu urusan di pejabat walaupun dialek Melayu Sarawak yang digunakan sebagai bahasa perhubungan. Pilihan bahasa Iban dalam situasi tidak formal dan dialek Melayu dalam situasi formal dapat memperkukuh hubungan antara suku kaum yang pelbagai dan hidup dalam satu masyarakat yang harmoni.

Sekiranya komunikasi antara suku kaum Melayu dengan suku kaum Iban tidak memilih bahasa Iban, bahasa lain yang biasa digunakan ialah bahasa rojak Melayu+Iban. Begitu juga dengan interaksi suku kaum Iban dengan suku kaum Cina atau suku kaum Melayu dengan suku kaum Cina. Bahasa rojak Melayu+Melanau pula digunakan sekiranya interaksi antara suku kaum Melayu dengan Melanau tidak memilih dialek Melayu Sarawak. Terdapat juga bahasa rojak Melayu+Melanau digunakan ketika interaksi antara sesama suku kaum Melanau. Bahasa rojak Melayu+Iban hanya dipilih antara suku kaum Melayu, Iban dan Cina. Bahasa rojak

Melayu+Melanau pula menunjukkan antara suku kaum Melayu, Melanau dan juga semasa sesama Melayu.

## KESIMPULAN

Dapatan pilihan bahasa suku kaum di Sarawak memberikan gambaran tentang bahasa perantara atau bahasa perhubungan yang utama sama ada dengan sesama suku kaum atau suku kaum yang lain. Jika dilihat rumusan data ini, pilihan bahasa yang utama di Sarawak ialah dua bahasa, iaitu bahasa Iban dan juga dialek Melayu Sarawak. Namun, pilihan bahasa untuk kedua-dua bahasa ini adalah berdasarkan situasi, iaitu formal dan tidak formal. Bahasa Iban digunakan semasa situasi tidak formal dan dialek Melayu Sarawak pula semasa situasi formal. Oleh itu, di Sarawak terdapat dua *lingua franca* yang sangat berpengaruh dalam kehidupan harian penduduknya.

Selain daripada maklumat *lingua franca* di negeri Sarawak, kajian ini juga mendapati situasi penggunaan dan pilihan bahasa di negeri ini merupakan rangka tindakan (*blueprint*) utama kepada Perdana Menteri Malaysia yang kelima membentuk Satu Malaysia. Perdana Menteri, Datuk Sri Najib Tun Razak pernah menyatakan dalam blog 1Malaysia,

Jika apa yang saya lihat sepanjang lawatan saya ke Sarawak baru-baru ini satu petanda bahawa konsep 1Malaysia itu bukan sahaja diterima dengan baik oleh Rakyat, malah ia adalah satu cara hidup. Rakyat Sarawak adalah contoh apa yang saya maksudkan dengan “Perpaduan Melalui Kepelbagaian”, seperti yang mereka sama-sama hormati budaya dan perayaan kumpulan etnik mereka yang pelbagai.

([www.1malaysia.com.my](http://www.1malaysia.com.my))

Negeri Sarawak ialah contoh dan bukti dalam Malaysia untuk mencapai Satu Malaysia. Sesuatu yang amat wajar sekiranya Datuk Sri Najib mencontohi apa yang berlaku di negeri Sarawak sebagai pemangkin kepada kejayaan Satu Malaysia. Setiap kaum dapat hidup dengan sejahtera, mempunyai hubungan yang mesra satu sama lain dan tidak mempunyai masalah perkauman antara mereka.

Di negeri Sarawak, semua suku kaum dapat hidup dengan aman dan sejahtera antara satu sama lain. Kehidupan yang sejahtera ini telah dipupuk oleh semangat kekitaan yang baik, hubungan antara kaum yang sentiasa erat dan bekerjasama, dan yang utama sekali apabila pilihan bahasa yang sama telah dapat digunakan dalam kehidupan sehari-hari,

iaitu bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak tanpa sebarang masalah. Dengan pilihan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak, tidak berlaku masalah komunikasi dan interaksi kerana bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak telah lama dikongsi bersama untuk digunakan oleh semua kaum sebagai *lingua franca*. Melalui *lingua franca*, hubungan setiap suku kaum yang pelbagai ini terjalin dengan erat walaupun setiap suku kaum di negeri Sarawak itu mempunyai perbezaan latar belakang agama, budaya, cara hidup dan sebagainya.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak ialah bahasa teras kepada perhubungan, perantaraan dan *lingua franca* kepada semua suku kaum di negeri Sarawak. Di samping itu, pilihan bahasa Iban dan dialek Melayu Sarawak sebagai *lingua franca* telah dapat menyemarakkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan suku kaum Melayu, Iban, Cina dan Melanau di negeri Sarawak. Perkara seperti ini perlu diambil perhatian dalam mencapai Satu Malaysia, seperti yang sedang diusahakan oleh Perdana Menteri Malaysia sekarang.

## RUJUKAN

- Akmajian, A. *et al.*, 1995. *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. Diterjemah oleh Aishah Mahdi dan Azizah Hussein. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar, 2003. *Language and Language Situation in Southeast Asia: With a Focus on Malaysia*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Asmah Haji Omar, 2004. *The Encyclopedia of Malaysia*. Jilid 9. Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Asmah Haji Omar, 2007. "Teori Linguistik dan aplikasinya dalam memartabatkan Kajian Dialek Melayu". Kertas Kerja Seminar Dialektologi Melayu (SEDIA). Anjuran Program Pengajian Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. 27 Disember 2007.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T., 2004. "Malayic languages of Sarawak" dlm. *The Encyclopedia of Malaysia*. Jilid 9. Kuala Lumpur: Archipelago Press.
- Dewa Putu Wijana dan Muhammad Rohmadi, 2006. *Sosiolinguistik: Kajian Teori dan Analisis*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Holmes, J. 2001. *An Introduction to Sociolinguistics*. Edisi Kedua. Longman: Malaysia.
- <http://ms.wikipedia.org/wiki/msyarakatSarawak>

Suku Kaum yang terdapat di Negeri Sarawak

